

UCAPAN PERDANA MENTERI DALAM PERSIDANGAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI
RUMAH UMNO, KUALA LUMPUR PADA 16 APRIL, 1960

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi, Tuan-tuan dan Puan-puan sidang perwakilan sekalian.

Pada hari ini kita bertemu dalam persidangan ini dengan perasaan sedih kerana kita masih lagi dalam masa berkabung atas kemangkatan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Abdul Rahman ibni Al-Marhum Tuanku Muhamad yang telah dipanggil oleh Tuhannya dan mangkat pada malam Jumaat, 1hb. April, 1960. Baginda adalah julung-julung Raja Melayu menjadi Yang di-Pertuan Agong, memerintah seluruh Persekutuan dengan kehendak dan pilihan saudara-saudaranya, Duli-Duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan Negeri-Negeri Melayu.

Pilihan ini sangatlah kena pada tempatnya kerana Baginda telah menunjukkan sifat Raja yang cukup bijaksana, adil dan demokratik, dengan sepenuh-penuh makna perkataan-perkataan ini.

Kita sangat-sangat bangga dengan cara dan peraturan dalam Perlembagaan kita berkenaan dengan mengangkat seorang Yang di-Pertuan Agong bagi Persekutuan. Peraturan dan cara itu boleh dikatakan suatu peraturan baru Pilihan ini sangatlah kena pada tempatnya kerana Baginda telah menunjukkan sifat Raja yang cukup bijaksana, adil dan demokratik, dengan sepenuh-penuh makna perkataan-perkataan ini.

Kita sangat-sangat bangga dengan cara dan peraturan dalam Perlembagaan kita berkenaan dengan mengangkat seorang Yang di-Pertuan Agong bagi Persekutuan. Peraturan dan cara itu boleh dikatakan suatu peraturan baru yang tidak ada seumpamanya di dalam dunia ini. Kita beraja, bukan berpresiden, tetapi sungguhpun begitu Raja kita itu dipilih dengan cara demokrasi, dan seorang yang layak mengetuai Kerajaan Negeri ini dipilih oleh saudara-saudaranya.

Saya sebagai hamba tuan kepada Al-Marhum Baginda Yang Di-Pertuan Agong itu sangatlah terkenang zaman pemerintahannya sebab selama Al-Marhum Baginda memerintah, tidaklah pernah berlaku sebarang perselisihan faham di antara saya dengannya. Baginda sebagai Raja dan saya sebagai wakil rakyat telah menyempurnakan kewajipan dan tanggungan kita masing-masing dengan kerjasama dan persefahaman yang penuh. Kiranya kerjasama diantara Raja dan rakyat berjalan demikian rupa maka bertuallah negeri kita ini.

Saya tidaklah Nampak boleh berbangkit sesuatu apa perkara pun yang boleh mengganggu keselamatan, keamanan dan kesejahteraan negeri kita yang dikasihi ini di masa depan. Perhubungan baik di antara Raja dengan rakyat memanglah menjadi cita-cita semua kerana dengan inilah sahaja kita dapat memelihara dan mengekalkan cara pemerintahan

beraja dalam negeri ini yang menjadi simbol perpaduan rakyat negeri ini dan dengan perpaduan rakyat itulah terletaklah keselamatan, kemakmuran dan kebahagiaan Persekutuan Tanah Melayu.

Maka dalam perhimpunan ini kita semua mengambil peluang mengucapkan takziah kepada Duli Yang Maha Mulia Tunku Kursiah serta kerabat-kerabat dan kaum keluarga Baginda Al-Marhum, sambil berdoa barang dihimpunkan rohnya dalam syurga bersama-sama dengan orang-orang syahid dan soleh.

Baru-baru ini Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan telah bersidang dan telah pun bersetuju mengangkatkan seorang daripada saudara-saudaranya menjadi Yang di-Pertuan Agong Kedua, yang pada fikiran Baginda-baginda boleh menduduki tempat dan menyandang taraf itu dengan cukup kehormatan, kemuliaan, kedaulatan, kebesaran dan kebijaksanaan. Maka kita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong yang baru, sambil memberi pengakuan dan ikrar akan menumpukan taat setia kita yang tidak berbelah bagi bagaimana yang kita telah tumpukan sepenuhnya kepada Baginda Al-Marhum itu. Kita juga berharap yang kerjasama di antara rakyat dengan Raja akan berjalan terus-menerus dan berlanjutan dalam zaman pemerintahan Seri Paduka Baginda Tuanku Hishamuddin Alam Shah ini.

Persidangan kita ini telah terlewat setahun lebih. Sepatutnya pada tahun yang lepas kita mengadakan Persidangan ini, tetapi sebagaimana tuan-tuan sendiri maklum kita tidak dapat mengadakannya kerana kita semua sibuk dengan mengurus dan menyusun kerja-kerja bagi menghadapi pilihanraya Negeri dan Persekutuan. Saya mengucap syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana parti kita telah berjaya sekali lagi memegang tampuk pemerintahan Persekutuan dan tampuk pemerintahan negeri-negeri, kecuali Kelantan dan Terengganu.

Maka kekalahan kita di Kelantan dan Terengganu itu patutlah menjadi satu pengajaran, bukan sahaja kepada pemimpin-pemimpin UMNO di negeri-negeri itu, tetapi di negeri-negeri lain juga. Kita berkehendakkan kemenangan itu bukan kerana kita hendak bermegah-megah atau menyombong dengannya, tetapi kerana kita percaya bahawa parti kita sahajalah yang dapat memelihara negeri ini dan rakyatnya dengan baik, aman, makmur dan bahagia. Saya menyeru supaya ahli-ahli UMNO khasnya dan Perikatan amnya menyemak dan mengkaji sebab-sebab kekalahan itu supaya mana-mana salah dan silap dapat diperbaiki. Calon-calon yang telah kalah di dua buah negeri itu janganlah berfikir yang tanggungan mereka telah selesai dengan sebab kekalahan itu, bahkan tanggungan mereka bertambah berat. Dari itu hendaklah mereka berhubung rapat dengan rakyat jelata bagi mendapatkan kepercayaan mereka kepada Perikatan.

Sebagaimana biasa, usul-usul yang akan dibincangkan dalam persidangan ini banyak. Tetapi ada satu usul yang sangat-sangat penting yang kita akan bincangkan dalam persidangan ini. Iaitu pinda Undang-undang Tubuh kita. Soal meminda Undang-undang

Tubuh sesebuah pertubuhan bukanlah satu perkara yang luar biasa kerana tiap-tiap sebuah pertubuhan apakala undang-undangnya tidak bersesuaian dengan keadaan masa tidak dapat lagi membawa kemajuan dan kebaikan, maka terpaksa dipindah undang-undang itu.

Jawatankuasa Siasah yang diketuai oleh Tun Abdul Razak setelah melihat krisis-krisis yang berlaku dalam UMNO, berpendapat iaitu keadaan dan syarat-syarat oleh Tun Abdul Razak setelah melihat krisis-krisis yang berlaku dalam UMNO, berpendapat iaitu keadaan dan syarat-syarat yang ada dalam Undang-undang Tubuh yang ada pada hari ini tidak memadai untuk menyelesaikan dan mengatasi krisis-krisis yang berbangkit itu. Dari itu mereka telah mencadangkan kepada Majlis Kerja Tertinggi supaya diadakan pindaan-pindaan kepada Undang-undang Tubuh itu, dan Majlis Kerja Tertinggi telah pun melantik sebuah Jawatankuasa yang diketuai oleh Encik Abdul Rahman Talib untuk mengkajikan Undang-undang Tubuh yang ada sekarang dan mengemukakan pindaan yang mustahak.

Jawatankuasa Undang-undang Tubuh itu telah menyediakan pindaan-pindaan itu dan Ibu Pejabat UMNO telah pun menghantarkan rang pindaan-pindaan itu kepada UMNO Negeri-negeri dan Bahagian-bahagian supaya tuan-tuan dapat membahar dan membincangkan di tempat masing-masing sebelum tuan-tuan datang ke sini. Jadi apa yang akan dikemukakan kepada tuan-tuan dalam persidangan ini bukanlah satu perkara baru yang dibawa dengan cara mengejut, malahan tuan-tuan telah diberitahu terlebih dahulu. Yang Berhormat Tun Abdul Razak akan membawa cadangan pindaan itu dan beliau akan menerangkan satu persatu berkenaan pindaan-pindaan ini. Apa yang dikehendaki daripada tuan-tuan di sini ialah supaya menimbangkan perkara ini dengan cermat dan teliti. Janganlah tuan-tuan kehilangan neraca pertimbangan yang adil lagi bijaksana tatkala membincangkan pindaan-pindaan ini. Janganlah tuan-tuan menurut hati dan hawa nafsu ataupun terpengaruh dengan kepentingan UMNO dalam negeri masing-masing atau Bahagian atau Cawangan. Tuan-tuan hendaklah pandang dan timbang perkara ini dari segi Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu sebagai parti nasional yang meliputi ke seluruh Persekutuan di mana-mana juag ada orang-orang melayu.

Parti kita ini adalah parti nasional dan di bawah panji-panji UMNO inilah orang-orang Melayu telah bersatu padu. Sebelum ada UMNO ini cara kita orang-orang Melayu hidup ialah dengan mempunyai perasaan kenegerian, tetapi dengan wujudnya UMNO ini cara kita berfikir itu telah berubah kepada yang lebih luas dan jauh. Cara kita berfikir pada hari ini adalah lain sama sekali dari zaman sebelum tertubuhnya UMNO. Pada hari ini kita berfikir yang kita ini semua Melayu walau di mana sahaja kita berada dan di bawah Kerajaan Negeri Melayu yang mana kita bernaung. Dengan ajaran UMNO kita orang Melayu telah menjadi satu bangsa dengan satu tujuan, satu perasaan dan satu taat setia, iaitu kepada tanahair dan bangsa kita.

Undang-undang Tubuh UMNO yang telah menjadikan UMNO mempunyai peringkat Negeri itu telah diluluskan pada akhir tahun 1955. Kita membuat cara dan susunan yang

demikian ialah kerana kita berfikir pada masa itu bahawa dengan cara dan susunan yang demikian UMNO boleh menjadi lebih kemas dan maju, tetapi malangnya pengalaman yang kita telah alami selama lebih kurang lima tahun itu telah menunjukkan sebaliknya.

Tujuan yang sebenar daripada mengadakan susunan peringkat Negeri itu dan melebihi perwakilan Kaum Ibu dan Pemuda dalam Perhimpunan Agung ialah supaya kita dapat membanyakkan yuran kita dan mengemaskan susunan parti bagi memenangi pilihanraya. Setelah kita cuba susunan dan cara itu beberapa tahun maka tujuannya yang besar telah tenggelam dan tujuan lain yang timbul.

UMNO yang menjadi parti nasional itu telah pun menjadi parti negeri. Tiap-tiap negeri telah memandang dan mensifatkan dirinya terlepas dan bebas tidak lagi bertanggungjawab kepada pusat. Masing-masing hendak membuat sehendak hatinya. Dengan ini UMNO negeri tidak sunyi daripada berbagai krisis besar dan kecil. Perselisihan dan pergaduhan di kalangan UMNO Negeri itu telah menyebabkan perpecahan sesama sendiri, bukan itu sahaja bahkan yuran-yuran ahli UMNO tidak sampai ke ibu pejabat. Tidaklah payah saya sebutkan dengan panjang lebar tentang pertelingkahan-pertelingkahan sesama sendiri itu kerana tuan-tuan sendiri sedia maklum apa yang telah berlaku di Singapura, Perak dan di lain-lain negeri. Yuran-yuran juga telah banyak berkurangan dalam masa kita memakai cara bernegeri ini, sebagaimana contoh perbandingan yang saya sebutkan dibawah ini:-

Dalam tahun 1954 Ibu Pejabat telah menerima yuran sebanyak \$49,049.65 dan dalam tahun-tahun 1955 \$40,246.50 iaitu dua tahun Ibu Pejabat telah menerima yuran sebanyak \$49,049.65 dan dalam tahun-tahun 1955 \$40,246.50 iaitu dua tahun yang akhir ada UMNO Negeri, berbanding dengan yuran tahun 1958 sebanyak \$27,728.76 dan tahun \$25,886.00 iaitu dua tahun berbanding dengan yuran tahun 1958 sebanyak \$27,728.76 dan tahun \$25,886.00 iaitu dua tahun yang akhir sebelum cadangan pindaan Undang-undang Tubuh yang dikemukakan pada hari ini untuk memansuhkan UMNO Negeri itu. Kalau tidak kerana derma-derma daripada menteri-menteri dan ahli-ahli Parlimen sudah tentu Ibu Pejabat UMNO tidak dapat berjalan langsung.

Daripada kenyataan ini dapatlah tuan-tuan menyaksikan bahawa Ibu Pejabat UMNO tidak dapat berjalan dengan sempurna dan licin dengan adanya susunan yang ada pada hari ini. Setelah kita mendapat pengalaman yang pahit itu maka tidak ada jalan lain melainkan kita berbalik semula kepada menjadikan UMNO ini sebenar-benar parti nasional dan bukan parti negeri. Itulah pada hari ini kita kemukakan pindaan-pindaan yang baru dalam persidangan ini bagi kesempurnaan dan keselamatan parti kita daripada menjadi kucar-kacir dan berkecai-kecai kepada negeri-negeri.

Ada setengah orang-orang kita yang salah sangka memikirkan bahawa tujuan meminda Undang-undang Tubuh ini ialah kerana ketua-ketua seperti saya dan Tun Razak hendak bermahajarela memerintah UMNO ini. Sangkaah UMNO ini. Sangkaan yang

seumpaan ini salah dan sangatlah buruknya kerana sebelum daripada ini kita tidak mempunyai cara bernegeri tetapi dengan sebab hendak mencari kesempurnaan dan kelicinan pentadbiran dan perjalanan UMNO kita ketua-ketua telah mencadangkan supaya diberikan kuasa-kuasa kepada UMNO negeri. Tetapi malangnya tujuan kita yang baik itu tidak mendatangkan kejayaan dan kesempurnaan, malahan sebaliknya.

Kiranya pindaan-pindaan tidak diterima, maka Ibu Pejabat UMNO ini terpaksa ditutup dan tiap-tiap UMNO Negeri akan berjalan sesuka hatinya mengikut muslihat dan kepentingan masing-masing. Kiranya beginilah kehendak ahli-ahli UMNO maka bentuk dan corak nasional UMNO itu akan hilang lenyap dan kenalah nama UMNO itu ditukar supaya bersesuaian dengan cara dan corak bernegeri-negeri itu.

Kita telah cuba cara dan susunan yang ada ini beberapa tahun lamanya. Kita pada mulanya berfikir cara itu boleh mendatangkan kebaikan, tetapi malangnya telah menerbitkan berbagai-bagai keburukan. Kita tidak harus beku. Bila kita lihat satu cara dan susunan itu tidak baik, kenalah kita tukarkan kepada yang baik tidak perlu kita berasa malu kerana tujuan kita ialah mencari kebaikan dan kebagusan.

Saya fikir saya telah menggambarkan kepada tuan-tuan dengan jelas dan terang perasaan dan pendapat saya daripada pengalaman yang kita telah tempuh dalam beberapa tahun ini tentang susunan dan perjalanan parti kita. Maka sekarang terpulanglah kepada tuan-tuan memikirkan dan menimbang semuanya itu dengan berpandu kepada kepentingan kebangsaan seluruhnya dan bukan kepentingan tempatan.

Saya mengambil peluang pada hari ini mengucapkan tahniah kepada ahli-ahli kita yang mendapat kemenangan dalam pilihanraya-pilihanraya yang telah dijalankan dengan selamat sempurna pada tahun lepas. Saya sukacita mendapat tahu bahawa banyak ahli-ahli kita yang menjadi wakil-wakil rakyat itu menjalankan tanggung-jawab masing-masing dengan membuat perhubungan dengan rakyat jelata dan hasilnya terbitlah berbagai-bagai cadangan untuk faedah rakyat.

Cadangan yang baik kita terima dan kita masukkan kedalam rancangan kemajuan lima tahun bagi kawasan-kawasan luar Bandar. Sebaliknya ada juga ahli-ahli kita yang menjadi wakil rakyat itu tidak menjalankan kewajibannya menurut yang dijanji yang mereka telah buat. Saya sangat duka cita diatas sikap ahli-ahli ini dan tunaikan segala janji-janji mereka itu. Dengan cara ini tidaklah akan menjadi terlampau berat kelak kepada kita semua untuk menghadapi pilihanraya-pilihanraya masa depan.

Kebanyakan rakyat dalam negeri ini nampaknya bukanlah membuat tuntutan atau berkehendakan sesuatu benda yang melebihi. Mereka pun sedar ada benda kerajaan boleh buat dan ada benda yang tidak boleh dibuat dengan serta-merta dan ada pula benda yang hendak mengambil masa yang lama sedikit. Tetapi apa yang mereka berkehendakkan sangat-sangat ialah ahli-ahli yang mereka lantik sebagai wakil mereka itu bertemu dengan

mereka dan menerangkan kepada mereka apa-apa yang mereka patut tahu. Masa yang akan diambil oleh seseorang ahli itu bukanlah banyak. Sepatutnya dalam masa empat lima bulan sekali hendaklah ahli-ahli yang menjadi wakil rakyat itu melawat kawasannya.

Banyaklah perkara yang boleh diterangkan kepada orang ramai berhubung dengan dasar-dasar kerajaan dan apa jua perkara yang sedang dibuat dan akan dibuat oleh kerajaan bagi faedah dan kepentingan rakyat sekalian. Selain itu wakil-wakil rakyat itu boleh menolak dan menangkis segala tuduhan tuduhan dan dakyah dakyah yang buruk yang dilemparkan oleh parti-parti yang melawan kita yang bertujuan hendak memburuk dan merosakkan nama baik parti itu.

Parti-parti yang melawan kita itu tidak ada banyak modalnya dan tidaklah ada benda yang mereka boleh janjikan bagi faedah orang ramai kerana kerajaan parti kita telahpun membuat berbagai-bagai perkara bagi faedah rakyat dan banyak lagi yang telah dimasukkan didalam rancangan kemajuan yang telah disusun dan akan dibuat dari semasa ke semasa. Oleh itu mereka membawa dakyah-dakyah yang bohong dan tidak baik dan membangkitkan segala macam fitnah yang boleh membawa kebencian rakyat jelata kepada parti kita. Itulah yang mereka buat setiap waktu.

Contoh yang terang ialah sebagaimana dakyah-dakyah mereka tentang perbelanjaan pelajaran yang terkandung dalam Report Auditor General yang dibentangkan dalam Persidangan Dewan Rakyat yang lepas. Menurut laporan itu, wang sebanyak \$110 juta yang diperuntukan kerana pelajaran telah tidak dibelanjakan menurut peraturan. Tetapi pihak parti-parti lawan telah membawa dakyah diserata kampung seolah-olahnya Menteri Pelajaran telah menipu kerajaan sebanyak \$110 juta itu. Sebenarnya apa yang telah berlaku ialah wang itu telah dibelanjakan untuk sekolah-sekolah dan telah dibuat melalui pihak-pihak Yang Berkuasa Pelajaran Tempatan yang baru ditubuhkan dibawah undang-undang dan perbelanjaan-perbelanjaan itu telah dibuat dengan betul dan diperiksa kira-kiranya menurut yang lazim. Oleh sebab cara yang baru itu mulai berjalan dalam tahun 1958, maka tentulah berlaku sedikit kelambatan untuk kira-kira itu diserahkan kepada Auditor General. Tetapi hendaklah sekali-kali ada soal yang wang itu telah digunakan dengan salah.

Dari sini tuan-tuan boleh lihat sendiri yang dakyah-dilihat sendiri yang dakyah-dakyah itu bohong dan mereka mengetahui yang benda itu bohong, tetapi mereka tidak ada cara lain untuk menjatuhkan Perikatan melainkan dengan membawa segala dakyah-dakyah etahui yang benda itu bohong, tetapi mereka tidak ada cara lain untuk menjatuhkan Perikatan melainkan dengan membawa segala dakyah-dakyah yang boleh membangkitkan kebencian kepada Kerajaan Perikatan.

Ahli Parlimen di sebelah Pantai Timur pula menumpukan serangan-serangan mereka terhadap diri ketua-ketua Perikatan. Seorang daripadanya mengatakan bahawa saya ini tidak patut dibiarkan hidup lagi dan saya serta keturunan saya patut dicampak, buang ke laut. Kata-kata ini bukan sahaja menyuruh rakyat benci kepada saya serta keturunan saya

patut dicampak, buang ke laut. Kata-kata ini bukan sahaja menyuruh rakyat benci kepada saya bahkan suruh bunuh saya dan anak buah saya.

Kalau kejadian ini berlaku dalam masa kempen pilihanraya tidaklah menjadi hairan kerana saya sendiri pun pernah dengar tuduhan-tuduhan yang mengatakan kita hendak jual negeri kepada Cina, sambil mereka menunjukkan nota-nota yang dibawa dari Negeri Cina sebagai buktinya. Tidak memadai dengan itu sahaja, mereka menuduh lagi yang kita hendak mengkafirkan orang-orang Islam. Pendek kata bermacam-macamlah perkara yang tidak diterima akal yang mereka lemparkan kepada kita.

Jadi mustahaklah tuan-tuan memberi penerangan atas hal-hal yang sebenar bagi membetulkan fikiran rakyat yang telah dikelirukan oleh parti-parti lawan itu. Jika dalam masa kempen pilihanraya dulu tuan-tuan telah bekerja kuat dan giat, siang dan malam, kerana memberi penerangan-penerangan, maka sekarang tidaklah dikehendaki tuan-tuan bekerja sekuat itu, tetapi berilah sedikit masa tuan-tuan untuk memberikan penerangan-penerangan di kampung-kampung.

Setengah ahli-ahli kita mengatakan apakah penerangan yang mereka hendak beri sebab mereka tidak tahu apa yang mereka hendak beri sebab mereka tidak tahu apa dia rancangan kerajaan. Saya rasa mustahil tuan-tuan tidak tahu kerana kalau tuan-tuan baca akhbar maka ada sahaja berita-berita berkenaan dengan rancangan yang seseorang menteri hendak buat. Selain dari itu Dewan Undangan Negeri juga sentiasa meluluskan rancangan-rancangan yang hendak dibuat untuk rakyat, dan dalam Parlimen pula menteri-menteri selalu juga menerangkan tentang rancangan-rancangan yang hendak dibuat. Jadi ambillah segala kenyataan itu dan terangkan kepada rakyat kerana mereka tidak tahu ataupun tidak berpeluang membaca dan mendapatkan kenyataan-kenyataan itu. Jika tidak cukup keterangan yang tuan-tuan dapat maka tuan-tuan boleh berhubung dengan menteri yang berkenaan untuk mendapatkan keterangan yang lebih lanjut.

Rancangan kita yang besar sekarang ini ialah berkenaan dengan kemajuan negeri kita ini, dan rancangan itu terbahagi kepada dua bahagian besar.

Bahagian yang pertama ialah kemajuan dalam bandar. Kemajuan dalam bandar ini tidak payahlah kerajaan ambil begitu berat, Cuma merancangkan perkara-perkara yang mustahak untuk mereka duduk merancang perkara-perkara mustahak untuk mereka duduk dalam keadaan yang sihat dan senang lenang, iaitu seperti mengadakan kerja untuk mereka supaya mereka boleh hidup dengan berpatutan, membuat rumah-rumah untuk orang-orang miskin, menambah dan memperbesarkan jalan-jalan raya dan sebagainya. Selain dari itu orang-orang dalam bandar ialah orang-orang kaya dan saudagar-saudagar yang mempunyai gedung yang besar-besar dan tidaklah payah kerajaan tolong dengan wang ringgit. Apa yang kita takutkan ialah kemajuan yang begitu cepat berlaki dalam bandar, yang terjadi dengan sendirinya dan dengan pertolongan sedikit-sedikit dari kerajaan akan meninggalkan jauh orang-orang yang hidup di luar bandar.

Oleh sebab itulah dasar-dasar Kerajaan Persekutuan yang termasuk dalam Bahagian yang kedua, ialah menguntukkan segala wang ringgit dan tenaganya untuk memperbaiki kehidupan orang-orang kampung. Bagi mencapai tujuan ini dengan sempurna maka telah disusun jawatankuasa-jawatankuasa kemajuan itu dengan berperingkat-berperingkat, iaitu peringkat daerah, negeri dan sampailah kepada Persekutuan. Pada peringkat Persekutuan saya sendiri menjadi menteri kepada Persekutuan. Pada peringkat persekutuan saya sendiri menjadi menteri yang bertanggungjawab, dan Tun Abdul Razak menjadi menteri yang mentadbirkan rancangan-rancangan itu dengan Tuan Haji Khalid sebagai Menteri Mudanya.

Di dalam rancangan kemajuan kampung ini termasuklah perkara berkenaan dengan memperbaiki perusahaan dan tanaman untuk meninggikan iktisad orang kampung mengadakan jalan-jalan raya, perbekalan air, lampu, kesihatan, pelajaran dan lain-lain lagi. Apabila dijalankan kebajikan-kebajikan ini maka tidak ada sebab lagi orang-orang kampung tidak boleh meninggikan taraf kehidupan mereka.

Satu daripada perkara yang saya sendiri akan ambil tindakan yang tegas ialah usaha hendak menghapuskan buta huruf dengan menggunakan bahasa kebangsaan di kalangan orang-orang dewasa di kampung-kampung, kerana sebagai negeri yang merdeka tidak patut lagi rakyat negeri ini menggunakan cap jari ataupun tidak dapat membaca sedikit sebanyak. Seperkara lagi yang saya hendak jalankan ialah memberi pelajaran agama Islam dengan seterang-terang dan sejelas-jelasnya menurut ajaran-ajaran Islam yang sebenar-benarnya dengan tujuan supaya mengelakkan orang-orang kampung daripada terpedaya dan tersilap faham dengan dakyah-dakyah parti yang tidak bertanggungjawab. Dalam pilihanraya yang lepas kita telah dapat mendengarkan bagaimana agama yang maha suci itu telah dipermainkan untuk kepentingan politik. Di setengah-setengah tempat orang kampung telah diberitahu supaya undi parti PAS jika hendak masuk hendak masuk syurga dan jika undi parti lain jadi kafir.

Dengan kepercayaan yang seperti ini maka nyatalah orang-orang kampung masih lemah sangat lagi dalam fahaman agama. Dakyah-dakyah ini dibawa ke serata kampung dan orang-orang di Kelantan dan Terengganu telah pun mengalami pahit maungnya akibat dari kepercayaan mereka terhadap dakyah-dakyah yang seperti itu. Orang-orang di negeri-negeri itu sekarang sedang ternanti-nanti faedah yang mereka harap-harapkan daripada parti yang mereka beri kepercayaan itu, yang saya percaya mereka tidak akan perolehi. Pegawai-pegawai kerajaan di Kelantan telah merasa kepahitan di bawah Kerajaan PAS itu, mereka tidak akan dapat kenaikan pangkat dalam tahun ini.

Dengan hal-hal yang demikian Kerajaan Perikatan berazam akan bergiat untuk memberi pelajaran kepada orang-orang dewa untuk memberi pelajaran kepada orang-orang dewasa yang buta huruf, memberi pelajaran-pelajaran agama yang jelas dan membukakan satu cawangan yang khas dalam Jabatan Penerangan bagi pelajaran agama itu.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dari semenjak kita mencapai kemerdekaan maka pentadbiran kerajaan kita telah berjalan dengan cekap dan membawa kemajuan-kemajuan yang memuaskan hati. Dengan kerana naiknya harga getah dan bijih timah maka perolehan kerajaan pun telah bertambah. Dalam masa dua tahun lepas merdeka kita telah dapat menyimpan kelebihan perolehan negeri sebanyak kira-kira \$200 juta, iaitu satu perkara yang luar biasa yang jarang berlaku dalam mana-mana negeri lain.

Dengan adanya kerajaan yang teguh maka negeri kita ini telah mendapat kepercayaan yang teguh maka negeri kita ini telah mendapat kepercayaan yang penuh dan pandangan yang penuh dan pandangan yang tinggi daripada semua negeri-negeri lain, dan adanya kepercayaan itu maka berlumba-lumbalah pemodal-pemodal yang datang dari luar negeri untuk membukakan perusahaan-perusahaan dan menanam modal mereka dia negeri ini. Wang mencurah-curah masuk ke negeri ini akan menjadi bertambah-tambah makmur hidupnya. Persekutuan Tanah Melayu ini dipandang sebagai bintang yang baru muncul di Asia Tenggara ini dan sekalian pandangan adalah tertumpu kepadanya.

Sebagaimana yang tuan-tuan yang tuan-tuan sedia maklum saya telah menganjurkan satu Pakatan Persahabatan dan Ekonomi bagi negeri-negeri di Asia Tenggara, bersama-sama dengan Presiden Filipina. Kita sedar yang kita dalam berbagai-bagai perkara dan mengeluarkan barang-barang keperluan yang mustahak seperti getah dan bijih. Barang-barang yang serupa ini juga dikeluarkan oleh negeri-negeri jiran kita, tetapi tidak ada satu ikatan pun yang boleh mengawalkan kepentingan-kepentingan negeri-negeri ini, iaitu seperti mengadakan harga-harga perjualan yang sama kepada negeri-negeri negeri-negeri jiran kita, tetapi tidak ada satu ikatan pun yang boleh mengawalkan kepentingan-kepentingan negeri-negeri ini, iaitu seperti mengadakan harga-harga perjualan yang sama kepada negeri-negeri yang menggunakan barang-barang itu. Akibatnya ialah negeri-negeri yang membeli barang-barang itu boleh mendapatkan mengikut harga yang mereka hendak bayar sahaja. Tetapi apakala ada pakatan yang saya cadangkan itu dapatlah negeri-negeri ini bersatu dan bersekata dalam menetapkan harga barang-barang itu dan tidak boleh dipermainkan-mainkan lagi oleh negeri-negeri yang membelinya.

Begitu juga dalam perkara-perkara lain iaitu seperti mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan perkapalan, kapal terbang, mengadakan tolong-menolong bagi melatih anak negeri dan pegawai-pegawai. Membenarkan penangkap-penangkap ikan dalam negeri-negeri yang dalam pakatan itu pergi menangkap ikan di mana-mana jua dalam kawasan pakatan itu dan berbagai-bagai hal lagi. Pakatan ini bukanlah bertujuan anti mana-mana pihak, tetapi semata-mata untuk mendatangkan faedah dan kesenangan kepada negeri-negeri yang menjadi ahlinya.

Malangnya ada pihak-pihak yang menuduh bahawa cadangan mengadakan pakatan ini keluar dari Amerika dan Britain dan mendapat sokongan daripada negeri-negeri itu. Tuduhan ini sungguh tidak berasas dan mustahil sekali kerana jika pakatan ini berjaya dan berjalan dengan sepenuhnya maka negeri-negeri Amerika dan Britain itu sendiri yang rugi. Sebabnya saya katakan begitu ialah jika harga-harga getah dan bijih itu ditetapkan oleh negeri-negeri yang membelinya iaitu termasuk Amerika dan Britain melainkan dengan harga yang ditetapkan itu maka tentulah mereka yang rugi dan negeri-negeri yang dalam pakatan ini yang untung. Begitulah juga dalam masalah perkapalan yang sekarang ini negeri-negeri ini dikuasai.

Selain dari itu kita tidaklah bertujuan hendak bermegah-megah sebagai pihak yang menganjurkan pakatan itu. Saya telah menubuhkan sebuah Pejabat Setiausaha Khas dalam kementerian saya dan meletakkan Encik Sopiee untuk mengetuainya. Saya telah hantar beliau ke Filipina dan Thailand untuk membuat perundingan-perundingan bagi pihak saya. Kita berharap tiap-tiap negeri yang menjadi ahli akan membukakan sebuah Pejabat Setiausaha bagi pakatan ini dan pejabat itulah yang akan menyediakan kelak segala keperluan jika persidangan membolot dan hendak membesar-besarkan diri. Di mana juga negeri-negeri itu bersetuju hendak mengadakan persidangan maka kita sanggup pergi menghadirinya dan kita akan bersetuju di mana juga ibu pejabat pakatan itu hendak dibuka.

Encik sopiee telah pun kembali dan telahpun membawa persetujuan daripada Filipina dan Thailand untuk mengadakan seorang pegawai pengurus di negeri masing-masing dan bersama-sama memajukan rancangan tersebut.

Satu perkara yang kita berdoa siang dan malam ke hadrat Allah Subhana Wataala ialah supaya negeri kita ini sentiasa berada dalam keamanan dan dengan adanya keamanan itu dapatlah kita bekerja dan mengatur serta menyusun rancangan-rancangan kita untuk kesempurnaan penduduk-penduduk dan tanahair kita.

Ada satu perkara sahaja yang boleh membawa keamanan kepada negeri ini iaitu menjalankan pentadbiran negeri dengan bertimbang rasa dan adil, dan menguat serta menambahkan perasaan berbaik sangka di antara rakyat dalam negeri ini dengan tidak kira apa jua keturunan, agama dan adat resamnya. Saya dapati banyak orang-orang yang bukan Melayu faham sebab-sebab yang hak-hak orang Melayu mestilah dipelihara dan agama Islam mestilah dikekalkan sebagai agama rasmi. Apa yang kita telah buat bagi orang-orang Melayu selama ini tidaklah membangkit sangkaan buruk atau bantahan daripada mana-mana pihak dan puak dan apa yang kita buat untuk menguatkan agama Islam dalam negeri ini tidaklah mendapat apa-apa bangkangan.

Kita telah membelanja banyak perolehan negeri kerana kedua-dua perkara ini. Bukan sahaja bantuan wang kerajaan bahkan juga wang daripada kebajikan masyarakat dan derma daripada orang ramai. Banyak orang-orang Melayu sekarang ini yang berpeluang bekerja di dalam gudang, pejabat dan perusahaan-perusahaan yang besar-besar yang dibuka dengan modal orang-orang bukan Melayu dan banyakkah masjid-masjid dan sekolah-sekolah agama yang dibina dengan wang-wang itu.

Baru-baru ini kita telah mengadakan buat kali yang pertamanya pertandingan mengaji Quran dengan kejayaan yang penuh. Pertandingan itu dijalankan dengan menggunakan wang perolehan negeri. Orang-orang yang mendengar bacaan Al-Quran itu bukan sahaja orang-orang Melayu bahkan juga orang yang bukan beragama Islam. Dengan adanya perasaan berbaik sangka ini saya rasa yakin negeri ini akan bertambah-tambah makmur dan sejahtera.

Dalam pada itu ada juga parti-parti politik yang berusaha untuk membangkitkan kebencian dan perasaan tidak baik antara orang-orang Melayu dengan bangsa-bangsa lain, sungguhpun mereka tahu kalau timbul perasaan ini maka mereka tidak boleh hidup dengan senang dan aman. Tetapi oleh kerana hendak merebutkan kerusi dalam Majlis-majlis Mesyuarat Negeri dan Parliumen mereka tidak peduli apa jua akibatnya.

Mereka tahu dalam negeri ini ada bangsa Melayu yang benci kepada bangsa lain dan ada bangsa lain yang bencikan orang-orang Melayu dan ada pula satu puak yang benci kepada kesemua corak pemerintahan negeri ini melainkan pemerintahan komunis. Dengan adanya tiga puak ini, ahli-ahli politik yang "opportunist" itu telah pun memperdaya mereka itu dengan tujuan mendapat sokongan mereka. Kita dalam Perikatan yang terdiri daripada bahagian besar orang-orang Melayu, Cina dan India tidak akan berubah di atas dasar perjuangan kita itu iaitu memelihara dan mengekalkan perasaan berbaik-baik sangka di antara satu kaum dengan satu kaum, mengawal dan meneguhkan ekonomi Negara dan mengekalkan keselamatan, ketenteraman dan kemakmuran negeri ini.

Parti kitalah yang telah berjuang sehingga tercapainya kemerdekaan negeri ini dan sekarang ini adalah menjadi kewajipan kita pada memelihara kemerdekaan itu supaya mendatangkan faedah kepada kita sekalian dan keturunan kita yang akan datang. Sekiranya parti kita terpaksa mengalami kekalahan dalam pilihanraya kerana keazaman kita hendak menjalankan dasar ini, maka kita sanggup menerima kekalahan itu.

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana perjuangan kita menentang penganas-penganas komunis itu sentiasa Berjaya dan keadaan darurat sudahlah reda dan hamper tamat. Dalam persidangan Parlimen yang akan diadakan tidak berapa hari lagi Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan bertitah mengisytiharkan bahawa darurat akan ditamatkan pada satu masa yang telah pun ditentukan, dan Undang-undang Darurat dibatalkan. Dari itu tuan-tuan patutlah sedar bahawa kemenangan di pihak yang benar itu sudahlah muktamat. Sungguhpun begitu di lain-lain negeri, peperangan antara komunis dengan pihak yang benar itu berkesudahan dengan berbagai-bagai rupa. Setengah daripada negeri itu terbahagi dua dan setengahnya pula keadaan peperangan itu berpanjangan.

Sungguhpun kemenangan peperangan bersenjata itu di tangan kita dan darurat akan ditamatkan, tetapi janganlah kita lalai dan alpa. Komunis belum biasa menempuh kekalahan di mana-mana negeri lain dan dengan sebab itu tentulah mereka menaruh dendam dan mempunyai perasaan toram taram kepada kita. Oleh itu mereka akan berusaha menjalankan dengan seberapa daya upaya gerakan bawah tanah untuk menjatuhkan kita. Kita telah haramkan Bank of China di sini dan juga apa-apa jua perdagangan yang bertujuan hendak membiakkan gerakan komunis di sini.

Komunis tidak akan berhenti daripada menjalankan ikhtiarnya untuk merebut kekuasaan pemerintahan negeri ini dan akan menjalankan berbagai-bagai tipu helah bagi mencapainya cita-cita mereka. Jika mereka tidak Berjaya dengan jalan dakyah mereka lakukan dengan jalan-jalanlain seperti dengan jalan perniagaan. Baru-baru ini satu Rombongan Perdagangan Komunis telah datang ke Singapura dan mengadakan perundingan dengan Kerajaan Singapura. Mereka telah minta hendak masuk ke Persekutuan Tanah Melayu selepas daripada tamat perundingan mereka di Singapura itu. Kita tidak benarkan mereka datang kerana kita tahu maksud dan tujuan mereka. Tetapi apa yang saya hairan sekali ialah kedatangan rombongan itu ke Singapura itu tidak disebutkan sedikit pun oleh mana-mana suratkhobar. Saya rasa mustahil mereka tidak tahu.

Saya suka mengulangkan di sini bahawa kita tidaklah boleh menurut kehendak hati komunis itu dan tidak boleh bekerjasama dengan mereka kerana kemahuan mereka itu tidak terhad. Tujuan mereka tidak lain melainkan hendak memerintah. Saya telah mendapat satu faedah yang besar dari pertemuan saya dengan Chin Peng dalam tahun 1955 kerana dialah yang telah menyedarkan saya

bahawa orang-orang komunis berpegang kepada fahaman “sekali komunis, tetap komunis”, dan tujuannya ialah hendak memerintah.

Apabila darurat sudah tamat kita akan membuat satu undang-undang yang kekal untuk menjalankan kuatkuasa ke atas puak-puak yang hendak menderhaka kepada kerajaan kita. Sementara itu kita akan adakan pindaan-pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu untuk menjaga keselamatan negeri ini dari ancaman-ancaman yang tidak baik. Jadi penduduk-penduduk di sini yang tidak ada niat yang derhaka terhadap kerajaan Tanah Melayu ini tidak patut menaruh bimbang, curiga dan takut. Parti-parti yang ada di dalamnya dari orang-orang yang tidak taat setia kepada negeri ini, dan dengan desakan daripada anasir-anasir itulah mereka akan membangkang pindaan-pindaan itu.

Inilah hal-hal dalam negeri yang saya telah sebutkan. Kalau ada apa-apa yang ketinggalan pun memang sengaja saya tinggalkan kerana ada berkait juga dengan apa yang telah saya sebutkan itu.

Berpaling kepada pendirian atau sikap kita menghadapi soal-soal luar negeri, maka Persekutuan Tanah Melayu adalah berpegang tetap kepada dasar bebas dan keadilan. Dengan kerana itulah kita telah membangkang segala perbuatan yang melanggar piagam Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap kebebasan dan hak-hak peri kemanusiaan. Sesuai dengan sikap dan pendirian kita itu, maka kita telah mengambil bahagian yang utama dalam masah pencerobohan komunis di Tibet dalam Perhimpunan Bangsa-Bangsa bersatu dan mengambil bahagian dalam kongres menentang pencerobohan itu yang diadakan di New Delhi.

Inilah juga sebabnya yang kita mengambil tindakan dan pandangan yang berat terhadap dasar apateid Kerajaan Afrika Selatan dan perbuatan-perbuatan mereka yang zalim ke atas orang-orang kulit hitam. Kita telah memberitahu wakil kita ke persidangan Bangsa-bangsa Bersatu supaya mengambil bahagian yang cergas dalam perkumpulan Negara-negara Afro-Asia untuk mendesak perkara ini dibawa ke dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Saya sendiri akan membawa hal ini di dalam persidangan Perdana-perdana menteri Komanwel yang akan bersidang pada awal bulan hadapan dan akan terlebih dahulu mengemukakan soal itu dalam Dewan Rakyat yang akan bersidang beberapa hari lagi.

Menurut aturan persidangan Perdan-Perdana Menteri Komanwel iaitu negeri-negeri Komanwel tidak boleh menegur atau mencampuri apa yang berlaku dalam sebuah negeri Komanwel yang lain. Apa yang boleh dibahas dan dibicarakan dalam persidangan itu ialah perkara-perkara am yang mengenai dunia seluruhnya serta menyatakan seberapa boleh sikap atau pendirian Komanwel terhadapnya. Dan juga boleh dibahaskan dalam persidangan-persidangan itu perkara-perkara yang difikirkan mendatangkan kebaikan dan kebajikan kepada Negara-negara Komanwel secara keseluruhannya.

Seluruh dunia telah terkejut mendengar dan melihatkan kekejaman yang berlaku di Afrika Selatan. Dengan sebab itu walau bagaimana dan apa jua peraturn bagi persidangan tersebut maka perkara yang berlaku di Afrika Selatan yang telah menyebabkan kematian bumiputera negeri itu tidaklah patut kita pejamkan mata dan berdiam diri dengan tidak mengambil apa-apa langkah dengan hanya kerana peraturan persidangan itu tidak membenarkan kita campur tangan dalam hal negeri Komanwel yang lain.

Parti kita telah juga berikrar hendak membantu mana-mana juga negeri yang berjuang kerana hendak mendapatkan kemerdekaan negerinya daripada penjajahan. Kita benci apa jua corak penjajahan. Dengan sebab itu kita telah mengambil bahagian yang cergas dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menyokong perjuangan saudara-saudara kita orang-orang Algeria untuk mendapatkan kemerdekaan bagi negerinya. Kita akan menghantarkan bantuan-bantuan bagi menolong orang-orang pelarian Ageria yang sedang menderita akibat dari perjuangan suci mereka. Kita berdoa moga-moga perjuangan mereka akan mendapat kejayaan.

Saya akan berlepas dari Tanah Melayu pada 27 haribulan ini kerana menghadiri persidangan Perdana-Perdana Menteri Komanwel itu. Dalam perjalanan ke London itu saya akan singgah selama dua hari di Bonn sebagai tamu khas kepada Kerajaan German Barat. Apabila selesai persidangan itu saya akan balik lagi ke German Barat untuk menyambung lawatan saya ke negeri itu. Dari German saya akan terus pergi ke Belgium dan dari situ ke negeri Belanda dan Perancis sebagai tamu khas kepada kerajaan negeri-negeri itu.

Setelah habis lawatan saya ke Perancis itu saya akan balik lagi ke London kerana menerima ijazah Doctor of Law dari University Cambridge iaitu tempat saya belajar dahulu.

Dalam persidangan pada hari ini banyaklah hal-hal yang tuan-tuan hendak bincangkan. Saya suka mengulangkan lagi sekali untuk memberi ingat kepada tiap-tiap seorang yang baerhimpun dalam persidangan ini bahawa tujuan kita bermesyuarat ini ialah kerana hendak mencari kekuatan bagi parti kita supaya dengan kekuatan parti itu dapatlah kita mencapai kemenangan di dalam segala pekerjaan kita. Satu daripada kemenangan yang kita harapkan siang dan malam ialah untuk mencari keselamatan, kesenangan dan kemakmuran kepada negeri dan rakyat Persekutuan Tanah Melayu.

Sebagai penutupnya saya mengucapkan kepada tuan-tuan selamat bersidang dan dipohonkan Allah memberi petunjuk kepada kita semua dalam perbincangan dan perbahasan-perbahasan kita. MERDEKA.